

11 DEC 2000

Rencana-Lanskap

LANSKAP DAN TAMAN JADIKAN LABUAN PULAU MEMPESONAKAN

Oleh: Haryati Abdul Karim

LABUAN: Walaupun ia sedang pesat membangun sebagai sebuah pusat kewangan luar pantai, pihak berkuasa di pulau Wilayah Persekutuan ini sedang berusaha sedaya upaya untuk mengelak Labuan daripada menjadi sebuah hutan konkrit.

Para perancang sebaliknya memberi tumpuan kepada usaha menjadikan Labuan sebuah bandar dalam taman yang menjanjikan kehidupan yang lebih ceria, nyaman dan menyegarkan kepada penduduk tempatan dan pengunjung, sesuai dengan sifatnya sebagai salah sebuah destinasi pelancongan yang menarik di perairan Sabah.

Langkah itu, yang membabitkan penanaman pokok-pokok kayu dan bunga-bunga serta pembinaan lanskap di tempat-tempat strategik, pastinya akan meningkatkan lagi daya tarikan Labuan yang sudah sedia terkenal kerana pelbagai keunikan yang ada padanya.

Kerja-kerja menukar wajah Labuan itu, yang dikendalikan oleh Lembaga Pembangunan Labuan (LDA) selaku agensi pentadbir utama pulau ini, dijangka selesai dalam masa tiga tahun lagi.

Pengurus Besar LDA Datuk Mohd Noor Moktar berkata, usaha menjadikan Pulau Labuan sebuah pulau yang terindah melalui keunikan rekabentuk lanskapnya dikenali sebagai salah satu cara untuk menarik lebih ramai pelancong ke sini.

Menurutnya, pulau itu mempunyai potensi yang besar dari segi pelancongan memandangkan ia memiliki banyak kelebihan seperti suasana hidup yang santai dan selamat serta kemudahan prasarana yang memuaskan, di samping keindahan pemandangan semulajadinya.

Labuan juga terkenal dengan sisa-sisa peninggalan sejarah Perang Dunia Kedua, termasuk beberapa bangkai kapal perang yang bersemadi di dasar lautnya. Kahazanah hidupan lautnya yang pelbagai juga menjadikan Labuan salah satu syurga idaman para pemancing.

"Berebalkan segala kelebihan yang ada itu, keindahan pulau ini akan lebih menonjol jika ia diselaraskan melalui pembinaan beberapa lanskap," katanya.

#### PM CETUS INSPIRASI PENGINDAHAN LABUAN

Hasrat LDA untuk mengindahkan pulau ini didorong oleh gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengunjungi Labuan pada 1998, agar satu gerakan besar-besaran dibuat bagi menjadikannya sebuah pulau tercantik di dunia.

Sehubungan itu, sebuah jawatankuasa kerja telah dibentuk bagi melaksanakan kerja-kerja perancangan dan pembinaan lanskap secara berperingkat-peringkat. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Lanskap Negara Datuk Ismail Ngah turut dianggotai oleh pegawai daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa serta beberapa agensi kerajaan lain.

Katanya, semua perancangan yang berkaitan dengan rekabentuk lanskap pulau itu terkandung dalam Pelan Induk Lanskap Labuan, yang turut meliputi projek-projek lanskap baru yang belum dilaksanakan.

"Pelan Induk Lanskap ini mengandungi perancangan terperinci mengenai pelantikan Labuan daripada jenis bunga yang ditanam sehingga di mana ia patut ditanam," katanya lagi.

Menurut Mohd Noor, setakat ini beberapa buah lanskap telah dibina dengan sesetengahnya dijangka siap tidak lama lagi.

Katanya, pada peringkat permulaan ini kerja-kerja pembinaan lanskap itu dijalankan di kawasan-kawasan strategik seperti dari Lapangan Terbang Labuan hingga ke pusat bandar.

#### IKAN MARLIN JADI SIMBOL

Kerja-kerja pengindahan di kawasan itu turut melibatkan penggunaan simbol ikan Marlin yang diletakkan di dalam air pancut di pintu gerbang lapangan terbang itu bagi menonjolkan identiti Labuan sebagai sebuah pulau.

Selain itu, lebih banyak gazebo dan air pancut akan dibina di sekeliling bandar, manakala kawasan-kawasan pejalan kaki akan dipasang ubin ditambah dengan lampu-lampu antik sebagai lampu jalan.

Beliau berkata, LDA berpendapat tempat letak kereta yang biasanya hanya dilitupi dengan tar kini akan digantikan dengan petak-petak pejalan kaki yang berwarna-warni bagi menampakkan suasana ceria di bandar Labuan.

Menurut Mohd Noor, fasa kedua kerja-kerja mengindahkan seluruh pulau turut membabitkan pembinaan lanskap di kawasan menuju kampus cawangan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Secara keseluruhan, lanskap Pulau Labuan berkonsepkan maritim, bersesuaian dengan kedudukannya yang dikelilingi enam buah pulau kecil yang menghadapi Laut China Selatan.

Sejajar dengan itu, lampu-lampu jalan juga akan dipilih bagi mencerminkan ciri-ciri maritim seperti ikan dan sebagainya, kata Mohd Noor.

Mengenai jenis atau spesies tumbuhan dan pokok bunga, beliau berkata, hanya beberapa spesies tertentu yang menonjolkan ciri-ciri pulau itu yang akan ditanam.

"Apa yang penting, pemilihan jenis pokok dan bunga-bunga dalam Pelan Induk Pelanskapan Labuan dibuat secara teliti dengan mengambilkira pelbagai faktor selain dari mencantikkan pemandangan," jelas beliau.

#### LEBIH 100 SPESIS TUMBUHAN AKAN DITANAM

Daripada lebih 100 spesies tumbuhan yang akan ditanam, bunga jenis "Tecoma" atau Orkid Hong Kong disyorkan oleh Jabatan Lanskap kerana ia memenuhi identiti Labuan dan bunga-bunga jenis beracun tidak akan ditanam.

Selain itu, penanaman pokok-pokok jenis renik akan diutamakan kerana kebanyakannya mempunyai khasiat perubatan, kata Mohd Noor.

Hampir semua pokok bunga yang dipilih diperolehi di dalam negeri melainkan pokok spesies "ironwood" yang dibawa dari Indonesia dan "trumpet tree".

Beliau yakin pelanskapan dan pengindahan bandar melalui penanaman pokok-pokok kayu dan bunga-bunga akan memberi kesan positif kepada persekitaran Pulau Labuan kerana ia dapat mengisi tanah-tanah lapang yang terbiar, sementara pokok-pokok rendang pula dapat menyejukkan cuaca panas di pulau ini.

Beliau yakin usaha pelanskapan dan pengindahan pulau itu akan berjaya kerana kakitangan Bahagian Penguatkuasa Majlis Perbandaran Labuan sentiasa menjalankan rondaan bagi memantau serta membendung sebarang kegiatan vandalisme.

Mohd Noor berharap "kehidupan di Pulau Labuan sama seperti kehidupan di dalam sebuah taman yang diharumi aroma bunga-bunga yang beraneka warna, tumbuh-tumbuhan yang menghijau serta udara yang nyaman" apabila kerja-kerja pelanskapan dan pengindahan itu selesai sepenuhnya dalam tempoh tiga tahun lagi. -- Bernama

HAK AM